

# Bilik gerakan pantau jenayah

**P**UTRAJAYA: Kementerian Dalam Negeri (KDN) sudah mewujudkan Bilik Gerakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), sebagai pusat operasi bagi memantau usaha mengurangkan kadar jenayah terutama jenayah jalanan di Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata bilik gerakan yang mula beroperasi kelmarin itu dihubungkan secara terus dengan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, semua Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK)

negeri, balai polis di kawasan panas dan Ibu Pejabat Angkatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) serta Ibu Pejabat Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) yang merekodkan laporan dan indeks setiap hari.

"Kita juga menyediakan satu pasukan khas untuk menganalisis data secara harian yang diperoleh bilik gerakan ini dan mengkaji keperluan membuka balai polis di kawasan panas.

"Malah, kita juga merancang menghubungkan bilik gerakan ini dengan CCTV di kawasan tertentu pada

masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa NKRA peringkat kementeriannya serta meninjau bilik gerakan itu bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Koh Tsu Koon dan Datuk Seri Idris Jala.

Hishammuddin berkata, kementeriannya akan menempatkan lebih ramai anggota polis dan Sukarelawan Polis (PVR) di kawasan panas mulai bulan depan bagi membanteras jenayah di kawasan berkenaan.